

Headline	Gapai impian ke Old Trafford		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	22	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	280 cm ²
Journalist	SALMAN HAMAT	AdValue	RM 10,301
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,903



Gapai impian ke Old Trafford

■ Penuntut semester akhir UiTM antara 16 peserta ikuti program Yayasan Rakyat 1Malaysia

Oleh SALMAN HAMAT
 salman@hmetro.com.my
Kepala Batas

Headline	Gapai impian ke Old Trafford		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	22	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	280 cm ²
Journalist	SALMAN HAMAT	AdValue	RM 10,301
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,903



AZEEM yang terpilih ke Old Trafford menerima sumbangan daripada Reezal.

“Syukur kerana impian sejak kecil untuk menjejakkan kaki ke Old Trafford akhirnya tercapai,” kata Muhammad Azeem Azhar, 20, yang bakal menimba pengalaman selama 10 hari dalam bidang bola sepak di Manchester United Soccer School, United Kingdom (UK).

Azeem antara 16 peserta yang terpilih mengikuti program latihan itu selepas melepasi sesi pemilihan anjuran Yayasan Rakyat Malaysia bersama Mamee-Double Decker (M) Sdn Bhd dan Manchester United.

Mereka akan ke UK pada 2 Mei depan.

Anak sulung daripada tiga beradik itu berkata, dia akan menggunakan kesempatan yang ada sepanjang program berkenaan untuk menimba sebanyak mungkin ilmu mengenai bola sepak.

“Pengalaman dan ilmu diperoleh akan dikongsi dengan pemain lain kerana saya mahu melihat sukan bola sepak di negara ini terus berkembang, sekali gus melahirkan lebih ramai bintang di peringkat antarabangsa.

“Rezeki terpilih untuk berlatih di Manchester United Soccer School dianggap sebagai bonus hasil usaha

keras menjalani latihan selama ini, selain dorongan semangat daripada ibu bapa serta jurulatih,” katanya.

Terdahulu Azeem, menerima sumbangan daripada Ahli Parlimen Kepala Batas Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dalam majlis ringkas di Wisma UMNO Kepala Batas, di sini, semalam.

Penuntut semester akhir jurusan Diploma Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kangar itu berkata, dia terpaksa menempuh pelbagai cabaran untuk berjaya, termasuk bersaing dengan lebih 4,000 calon lain pada sesi awal pemilihan.

“Debaran semakin dirasai ketika mengikuti sesi pemilihan akhir, di mana saya perlu menunjukkan kemampuan terbaik kepada jurulatih bagi mengatasi 400 calon lain yang mempunyai skil dan kelebihan sendiri,” katanya.

Reezal berkata, program berkenaan harus diteruskan dalam usaha negara mengembalikan semula zaman kegemilangan bola sepak negara sekitar 1970-an.

Katanya, bagi melahirkan lebih ramai pemain berkualiti, program pembangunan sukan bola sepak perlu dimulakan dengan melatih bakat muda sejak kecil lagi.